

**PEMBELAJARAN BALAGHAH ARAB DI PERINGKAT
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA :
SATU KAJIAN KES**

AZHAR BIN MUHAMMAD

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA**

PENGENALAN

Sejarah pembelajaran bahasa Arab di Malaysia mempunyai pertalian yang rapat dengan pengajian atau pendidikan Islam.

Institusi masjid dan pondok berlangsung sehingga madrasah atau sekolah dibuka. Guru-guru berkelulusan Timur Tengah telah berkhidmat bukan sahaja dalam bidang PI, bahkan BA dengan komponennya seperti nahu, saraf dan balaghah.

Kini, komponen-komponen BA termasuk ilmu BALAGHAH telah dipelajari secara rasmi oleh pelajar aliran agama di peringkat sekolah atau IPT

Sambungan

Pengetahuan dalam komponen-komponen bahasa Arab tidak akan lengkap sekiranya tidak mendalami dalam kemahiran gaya bahasanya.

Ketinggian dan keunikan gaya bahasa dalam bahasa Arab memerlukan kepada penguasaan kemahiran ilmu balaghah bagi memahami dan menghayati maksud yang tersurat atau tersirat.

Atas kesedaran ini, pembelajaran balaghah dijadikan sebagai pelengkap kepada komponen lain.

Latar Belakang & Permasalahan

Berdasarkan kajian dan pengalaman, tahap penguasaan BA di kalangan pelajar adalah lemah, sama ada dari sudut komunikasi, tatabahasa, penguasaan frasa, struktur ayat, penggunaan gaya bahasa dan lain-lain. Manakala keputusan (SPM, STAM, STPM) menunjukkan kelulusan yang agak baik.

Walaupun demikian, rata-rata terdengar rungutan bahawa pelajar didapati tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik terutama dari aspek penguasaan gaya bahasa (balaghah).

Asas ini telah mendorong kajian ini dilakukan bagi mengetahui tentang penerimaan pelajar terhadap bidang ini di peringkat tertinggi pembelajarannya.

Objektif Kajian

- ❑ **Melihat kesediaan dan kefahaman pelajar terhadap ilmu balaghah Arab di peringkat STAM sebagai salah satu komponen pengajian dalam bahasa Arab.**
- ❑ **Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam pembelajaran balaghah Arab di peringkat STAM.**
- ❑ **Mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap bentuk penilaian yang dilaksanakan dalam pembelajaran balaghah Arab di peringkat STAM.**
- ❑ **Meninjau kesesuaian pelaksanaan kandungan sukatan pelajaran, buku teks dan format soalan peperiksaan dalam pembelajaran balaghah STAM.**

Bidang & Batasan Kajian

Memberikan tumpuan kepada bidang pembelajaran bahasa Arab khusus dalam ilmu balaghah.

Difokuskan kepada pembelajaran ilmu balaghah Arab dalam kalangan pelajar SMA pada tahap tertinggi pensijilan agama di Malaysia (STAM) berdasarkan kepada kurikulum *Ma'had al-Bu'uth al-Islamiyyat*, Al-Azhar, Mesir.

Pelajar dibataskan dalam kalangan pelajar yang sedang menuntut di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri Kelantan di bawah kelolaan YIK.

Metodologi Kajian

Menggunakan pendekatan kaedah kajian campuran yang bersifat kuantitatif dan kualitatif kerana tajuk dan persoalan kajian memerlukan kepada kedua-dua bentuk pendekatan ini.

Reka bentuk kajian berasaskan kepada kaedah penyelidikan berbentuk deskriptif/tinjauan.

Kaedah Pengumpulan Data

Data Primer

Melalui kaedah tinjauan soal selidik, ujian (UPB) dan temu bual

Data Sekunder

Melalui kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen

INSTRUMEN KAJIAN

Borang Soal Selidik

A: 10 Soalan (Demografi)

B: 40 Soalan berdasarkan 5 skala Likert

Set Ujian Pencapaian Balaghah (UPB)

Bahagian A, B & C : 20 Soalan

Set Soalan Temu Bual

Bahagian A, B & C : 10 Soalan

LOKASI & SAMPEL KAJIAN

No.	Jum. Sampel	Nama Sekolah	Zon Jajahan	Jum.
1	38	Maahad Muhammadi (Lelaki)	Kota Bharu	168
2	67	Maahad Muhammadi (Perempuan)		
3	42	Maahad Muhammadi Pasir Pekan		
4	21	Maahad Ar-Rahmah Kenali		
5	92	Maahad Amir Indera Petra	Bachok	170
6	78	Maahad Yaakubiah		
7	92	Maahad Muhammadi Pasir Mas	Pasir Mas	92
8	40	Maahad Muhammadi Rantau Panjang	Rantau Panjang	40
9	21	Maahad Syamsul Maarif (Perempuan)	Machang	31
10	10	Maahad Syamsul Maarif (Lelaki)		
11	55	Maahad Saniah	Pasir Puteh	55
12	44	Maahad Muhammadi Tumpat	Tumpat	44
13	55	Maahad Ahmadi	Tanah Merah	55
14	51	Maahad Sabirin	Jeli	51
15	51	Maahad Rahmaniah	Kuala Krai	51
16	39	Maahad Muhammadi Gua Musang	Gua Musang	39
Jum.	796			796



ANALISIS ITEM SOAL SELIDIK BAHAGIAN A & B

Analisis Demografi


Item	Jantina	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	212	26.6
	Perempuan	584	73.4
	Jumlah	796	100.0

Item	Pilihan	Kekerapan	Peratus
Sekolah Terdahulu	Sekolah Menengah Arab/Agama	790	99.3
	Sekolah Menengah Harian Biasa	01	0.1
	Lain-lain	05	0.6
Jumlah		796	100.0


Item	Pilihan	Kekerapan	Peratus
Penguasaan Dalam Bahasa Arab	Memuaskan	115	14.4
	Baik	186	23.4
	Sederhana	430	54.0
	Lemah	58	7.3
	Amat Lemah	07	0.9
Jumlah		796	100.0

Item	Pilihan	Kekerapan	Peratus
Kedudukan Balaghah STAM Pada Pandangan Responden	Amat Mudah Dipelajari	31	3.9
	Mudah Dipelajari	582	73.1
	Sukar Dipelajari	156	19.6
	Amat Sukar Dipelajari	11	1.4
	Lain-Lain	16	2.0
Jumlah		796	100.0

Taburan Minat Responden Terhadap Komponen Bahasa Arab STAM




Analisis Aspek I: Min Kesediaan dan Kefahaman Dalam Ilmu Balaghah Arab




Min Keseluruhan : 3.89

Analisis Aspek II: Min Penguasaan Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah



Min Keseluruhan : 3.57

Analisis Aspek III: Min Penguasaan Pelajar Terhadap Penilaian Balaghah




Min Keseluruhan Bagi Setiap Aspek I, II dan III

Aspek	Fokus Item-Item Soal Selidik	Min
I	Kesediaan dan kefahaman dalam ilmu balaghah Arab (10 Soalan)	3.89
II	Penguasaan dalam pembelajaran dan pengajaran balaghah STAM (20 Soalan)	3.57
III	Penerimaan terhadap penilaian dalam pembelajaran balaghah STAM (10 Soalan)	3.71
Min Keseluruhan		3.72

Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran balaghah berada pada tahap yang positif. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang masih memerlukan perhatian dan tindakan susulan yang lebih pro-aktif dari pihak tertentu.

Peratus Pencapaian Pelajar Dalam UPB




Analisis Kekekrapan dan Peratusan Gred Responden Dalam UPB

Markah	Gred	Kekekrapan		Peratusan (%)
		Mengikut Gred	Mengikut Pangkat	
85 - 100	1	21	58 Cemerlang	24.1
75 - 84	2	37		
65 - 74	3	46	85 Amat Baik	35.5
60 - 64	4	39		
55 - 59	5	26	45 Baik	18.7
50 - 54	6	19		
45 - 49	7	17	34 Lulus	14.2
40 - 44	8	17		
00 - 39	9	18	18 <u>Gagal</u>	7.5
Jumlah		240		100.0

Bahagian A: Item soalan yang menilai kefahaman pelajar mengenai ilmu balaghah Arab secara umum.

Bahagian B: Item soalan yang menilai kefahaman pelajar terhadap tajuk-tajuk balaghah yang dipelajari.

Bahagian C: Item soalan yang menilai kemampuan pelajar membentuk struktur ayat berasaskan kepada tajuk-tajuk balaghah yang dipelajari.



Peratus Pencapaian Pelajar Menjawab Mengikut Bahagian Soalan

Analisis Temu Bual

- Pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap ilmu balaghah Arab secara umum. Mereka didapati berminat mempelajari ilmu ini dan menganggap bahawa balaghah adalah satu mata pelajaran yang mudah dipelajari.
- Pelajar didapati tidak bermasalah untuk menerima tajuk-tajuk dan kaedah-kaedah balaghah yang diajar pada peringkat ini. Cuma terdapat beberapa kekangan dan masalah yang dikenal pasti dihadapi oleh mereka seperti penggunaan ayat yang menyukarkan mereka dan pemahaman terhadap syair-syair Arab sebagai contoh balaghah.
- Pelajar didapati dapat menerima format peperiksaan balaghah STAM. Mereka tidak mempunyai masalah untuk menjawabnya terutama soalan-soalan yang memerlukan jawapan secara hafazan. Bentuk penilaian tugas kerja kursus pula dialukan oleh pelajar.

Analisis Dokumen

Sukatan Pelajaran

- Objektif pengajaran hanya dibuat pernyataan dalam bentuk yang umum tanpa menyatakan secara lebih khusus.
- Tertumpu kepada bentuk kognitif sahaja, merujuk kepada pembelajaran yang melibatkan aktiviti mental sahaja. Aspek efektif dalam pembelajaran kurang diberikan penekanan secara khusus seperti penghayatan terhadap nilai-nilai kesusasteraan Arab, cita rasa, kesenian dan keindahan kesusasteraannya.
- Kandungan tidak menyeluruh kepada tajuk-tajuk asas ilmu balaghah Arab. Perbincangan mengenai isu mendahulukan ilmu bayan atau ma'ani dalam pembelajaran STAM juga tidak timbul.

Buku Teks

- oKandungannya selaras dengan sukatan pelajaran balaghah STAM. Tajuk-tajuk yang dipilih adalah berdasarkan kepada susunan yang bersifat tradisional.
- oTiada keselarasan semasa memulakan perbincangan dalam ilmu ma'ani dan ilmu badi'.
- oBentuk dan gaya penulisannya bersifat bebas dan tiada keselarasan antara satu tajuk dengan yang lain. Penyampaian berbentuk tradisi serta pengaplikasian kepada pendekatan pengajaran deduktif.
- oContoh-contoh yang dikemukakan dalam buku teks ini agak sukar difahami kerana penggunaan istilah-istilah Arab yang jarang ditemui.
- oLatihan yang disediakan lebih menumpukan kepada soalan-soalan aras kemahiran yang agak tinggi di samping soalan yang berasaskan kepada aras kemahiran biasa.

Soalan Peperiksaan

- Mempunyai asas pertimbangan yang kukuh dalam perekaan bentuk.
- Pembentukan soalan berdasarkan kepada sukatan pelajaran.
- Tempoh masa juga didapati sesuai dengan bilangan soalan, wajaran konstruk didapati dapat menilai kemampuan calon dari aspek kognitif.
- Bentuk soalan jelas, ringkas, mudah dan sesuai dengan tahap pelajar.
- Soalan banyak memberi tumpuan kepada aras kemahiran pengetahuan, kefahaman, aplikasi dan analisis. Soalan-soalan yang berasaskan kepada aras kemahiran sintesis dan penilaian tidak diketengahkan.
- Pentaksiran banyak menguji kemampuan pelajar untuk mengingat definisi, memahami beberapa kaedah balaghah dalam tajuk yang diajar dan menganalisis bentuk-bentuk balaghah ke atas contoh-contoh.

RUMUSAN KAJIAN

- ✓ Pelajar mempunyai kesediaan positif & berminat untuk mempelajari ilmu balaghah. Kefahaman mereka mengenai kedudukan ilmu balaghah sebagai ilmu yang membincangkan keindahan gaya bahasa dan kesusasteraan Arab adalah jelas.
- ✓ Penguasaan pelajar terhadap pembelajaran balaghah di peringkat pensijilan STAM berada pada tahap yang baik, tetapi agak terbatas. Mereka didapati tidak dapat mengaplikasikannya di luar daripada batasan tersebut.
- ✓ Pelajar dapat menerima pendekatan pengajaran balaghah di dalam kelas. Walaupun begitu, beberapa perkara berkaitan proses pengajaran masih perlu diberikan perhatian.
- ✓ Pelajar dapat menerima bentuk penilaian dalam pembelajaran balaghah terutama format soalan peperiksaan STAM.

Sambungan

- ✓ **Objektif kandungan sukatan pelajaran hanya dinyatakan secara umum. Penumpuan banyak kepada aspek kognitif tanpa efektif. Kandungan sukatan tidak menyeluruh kepada tajuk-tajuk asas balaghah.**
- ✓ **Kandungannya ada keselarasan dengan kandungan sukatan pelajaran. Bentuk penulisannya bersifat bebas & tradisi yang menekankan kepada aspek pengetahuan, kefahaman serta pendekatan pengajaran deduktif.**
- ✓ **Contoh-contoh dari syair Arab klasik agak sukar difahami.**
- ✓ **Latihan yang disediakan pada akhir tajuk perbincangan lebih menumpukan kepada soalan-soalan aras kemahiran yang agak tinggi.**
- ✓ **Format soalan sesuai dengan kemampuan pelajar, wajaran konstruk dapat menilai kemampuan calon dari aspek kognitif.**

CADANGAN-CADANGAN UTAMA

- ❑ Menetapkan ojektif pengajaran balaghah STAM secara lebih spesifik yang memberikan tumpuan kepada kedua-dua aspek kognitif dan efektif.
- ❑ Menetapkan kandungan sukatan pelajaran dengan lebih menyeluruh kepada semua ilmu balaghah.
- ❑ Menyediakan panduan khusus kepada guru untuk menjalankan pengajaran dengan lebih bersistematik.
- ❑ Memurnikan kandungan buku teks dari aspek persembahan mengikut teknik dan pendekatan terkini.
- ❑ Membentuk soalan yang lebih berasaskan kepada kemahiran bahasa, nilai cita rasa kesusasteraan dan gaya bahasa Arab.
- ❑ Melihat kerasionalan mengadakan penilaian secara lisan.

CADANGAN LANJUTAN

Mencadangkan kepada mana-mana pengkaji yang ingin mendapatkan dapatan yang lebih menyakinkan dalam bidang ini agar dapat melakukannya dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah agama/Arab seluruh negara.

Mencadangkan agar kajian lanjutan dalam bidang ini dapat melihat metode pengajaran guru dengan secara langsung kerana kajian ini hanya melihat pengajaran guru melalui perantaraan pelajar.



SEKIAN, TERIMA KASIH